

Program Memasak Bubur Lambuk dan Pengagihan Bubur Lambuk Peringkat INSTUN

26 Mac – Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN) telah mengadakan aktiviti memasak bubur lambuk sempena Bulan Ramadhan pada kali ini. Aktiviti memasak bubur lambuk merupakan aktiviti tahunan di INSTUN yang bertujuan bagi mengeratkan lagi hubungan silaturahim serta memupuk semangat bekerjasama di kalangan kakitangan INSTUN.

Aktiviti ini bermula pada pukul 9.00 pagi dengan kaum wanita mengupas bawang, ubi kentang dan memotong sayur-sayuran sebagai bahan masakan, manakala kaum lelaki menyediakan peralatan serta tempat memasak. Usahasama tenaga staf disumbang secara giliran bagi memastikan pejabat masih ada staf meneruskan urusan pentadbiran harian. Setelah bubur dimasak, aktiviti pembungkusan dilaksanakan secara gotong- royong oleh staf yang berkelapangan. Bubur lambuk kemudian diagihkan kepada staf-staf INSTUN serta staf kontrak pembersihan, keselamatan dan landskap bermula pada pukul 12.00 tengah hari.



